



2 Mac 2026

KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC

1. Pada Khamis, 26 Februari 2026, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia telah mendengar taklimat daripada Ketua Audit Negara (KAN) berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bil. 1 Tahun 2026 yang melibatkan dua (2) laporan iaitu:
 - a. LKAN 1/2026 - Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2024; dan
 - b. LKAN 1/2026 - Aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.
2. Jabatan Audit Negara (JAN) telah membangkitkan isu-isu dalam LKAN yang dikenal pasti mempunyai aspek-aspek ketidakteraturan yang serius dan kelemahan dalam pelaksanaan program/ aktiviti/ projek.
3. Selain itu, melalui peluasan Akta Audit, JAN telah menghasilkan laporan pertama berhubung pengurusan badan lain termasuk syarikat yang telah dilaksanakan melalui Sistem e-SelfAudit. Pelaksanaan audit ini telah membenarkan JAN menjalankan pengauditan terhadap 1,856 badan lain termasuk syarikat yang diwartakan.
4. Sehubungan itu, beberapa isu telah dibangkitkan seperti berikut:
 - a. Menjalankan aktiviti utama yang tidak selaras dengan objektif penubuhan atau mandat seperti dalam Perlembagaan Syarikat;
 - b. Keanggotaan Lembaga Pengarah yang tidak mematuhi Perlembagaan Syarikat atau saranan YAB Perdana Menteri; dan
 - c. Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan.

Namun, lebih merisaukan adalah pemakluman bahawa masih terdapat badan lain serta syarikat yang tidak pernah diaudit sebelum ini.

5. Berdasarkan penelitian Jawatankuasa ini terhadap pembentangan dan analisis dokumen LKAN tersebut, PAC mendapati wujudnya pelbagai kelemahan sistemik, pelanggaran tatakelola yang amat membimbangkan serta ketirisan peruntukan awam. PAC sentiasa memandang serius terhadap obligasi semak dan imbang (*check and balance*) bagi memastikan setiap sen wang pembayar cukai diuruskan dengan tahap integriti, ketelusan, dan kecekapan yang tertinggi.
6. Berikutan itu, PAC telah membuat keputusan untuk memulakan prosiding terhadap isu-isu berikut:
 - i. Pengurusan dan tabdir urus di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). LKAN telah membangkitkan isu-isu berhubung pelanggaran perlembagaan universiti, aktiviti pungutan hasil tanpa mandat, konflik kepentingan yang berakar umbi di kalangan penjawat awam serta kegagalan pengurusan projek naik taraf bangunan dan fasiliti uzur;
 - ii. Program Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I). Melalui pelaporan LKAN kali ini, ramai dapat melihat bahawa ekosistem R&D&C&I ini jelas berhadapan dengan defisit prestasi serta pembaziran dan permasalahan tabdir urus yang kritikal, serta kehilangan aset intelektual; dan
 - iii. Pengurusan Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). LKAN telah membangkitkan isu berhubung pengurusan syarikat khususnya krisis tabdir urus projek fizikal yang dijalankan.

Tarikh prosiding serta saksi yang akan dipanggil untuk memberi keterangan dan penjelasan bagi tiga (3) isu tersebut akan ditentukan kemudian.

7. Sehubungan itu, PAC menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap seluruh warga JAN yang sentiasa komited, bertungkus-lumus menyediakan laporan, terutamanya LKAN 1/2026 kali ini walaupun dibebankan dengan pengauditan dan tugas yang makin bertambah dan mencabar dengan kapasiti sumber manusia yang masih kekal sama.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen